

UMNO akan terus bersikap sederhana dan pragmatik — Mahathir.

U.M. - 7 NOV 1992

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata UMNO akan terus bersikap sederhana dan pragmatik serta tidak mengikut arus fanatik yang diamalkan oleh golongan tertentu di negara ini.

Menurutnya, UMNO tetap akan berusaha meningkatkan kemampuan dan pencapaian orang Islam dalam semua bidang yang diperlukan untuk dunia moden ini tanpa melupakan akhirat.

"UMNO tidak akan menjadi fanatik tetapi sebaliknya bersikap sederhana dan pragmatik," kata beliau.

Presiden UMNO itu menyatakan demikian semasa menyampaikan ucapan dasamya di Perhimpunan Agung UMNO 1992 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Kata beliau, kelonggaran ini boleh menyelamatkan agama Islam dan orang Islam dalam apa juga keadaan dan di mana juga mereka berada.

Dr. Mahathir berkata, UMNO akan bersahabat dengan yang bukan Islam asalkan mereka tidak bermusuhan dengan orang Islam.

Malah jelasnya, penerimaan orang bukan Islam ke dalam UMNO tidak menjejaskan perjuangan parti kerana ini bukanlah pertama kali berlaku demi mencapai sesuatu matlamat yang mulia.

Beliau berkata, fanatik bukanlah sebahagian daripada ajaran Islam kerana ia boleh meletakkan orang Islam dan agama Islam dalam keadaan bahaya serta mungkin musnah akhimya.

Sebaliknya, Dr. Mahathir menambah, kesederhanaan adalah cara yang dituntut oleh Islam dan kesederhanaan boleh menyelamatkan Islam serta memperkuat umat.

Mengenai 'wawasan akhirat' yang dibangkitkan oleh golongan tertentu, beliau berkata, tidak akan ada wawasan akhirat bagi mereka yang tidak dilahirkan dan tidak beragama Islam.

Tambahnya, begitu juga jika orang Islam terus kecewa sehingga meninggalkan agama, orang Islam dibunuh beramai-ramai dan dimusnahkan oleh bom nuklear.

Menurutnya, orang yang Sengaja menghalang orang Islam daripada mencapai kejayaan di dunia, yang cuba mengelirukan orang Islam berkenaan Wawasan 2020 dan

yang menyarankan wawasan akhirat sebenarnya bersubahat dengan musuh-musuh Islam.

"UMNO akan berjuang untuk menjayakan Wawasan 2020 sebagai sebahagian daripada perjuangannya untuk agama Islam.

"Hanya negara Islam yang kuat yang mempunyai penduduk Islam yang berkebolehan dalam pelbagai bidang yang boleh menolong mempertahankan agama serta umat Islam," katanya.

Beliau berkata, jika dikaji sejarah Islam, malapetaka yang berlaku bukanlah kerana agama tetapi kecenderungan orang tertentu di mana ada antara mereka mentafsirkan agama Islam mengikut kepentingan diri.

Tambahnya, agama yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad hanya satu saja tetapi hari ini kepercayaan dan ajaran yang dibawa oleh orang tertentu sudah membahagi-bahagikan Islam kepada berpuluh bentuk kepercayaan yang kerap kali bertentangan di antara satu sama lain.